

Pihak sekolah amat menghargai komitmen tuan puan terhadap pendidikan anak-anak dan sentiasa memastikan yuran anak-anak dijelaskan sebelum tamat tempohnya.

Kemudahan **BAYARAN ATAS TALIAN melalui sistem ASIS** yang diperkenalkan oleh Pusat Pendidikan Al-Ikram ini bertujuan untuk memudahkan kedua pihak agar rekod pembayaran lebih terjamin.

Polisi ini bertujuan untuk memudahkan urusan tuan puan dan pihak sekolah dalam usaha memperkemas sistem pembayaran yuran agar pendidikan anak-anak di sekolah ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sekolah berharap tuan puan sentiasa bersama memahami dan menyokong misi dan visi sekolah ke arah melahirkan generasi rabbani

Semoga Allah sentiasa membantu kita dan memberkati pengorbanan tuan puan sepanjang persekolahan anak-anak di Pusat Pendidikan Al-Ikram ini.

Yang menjalankan amanah,

MOHAMAD BIN ABDUL RAHMAN

Ketua Pegawai Eksekutif,
Pusat Pendidikan Al-Ikram

<p style="text-align: center;">POLISI YURAN SEKOLAH</p> <p style="text-align: center;">SEKOLAH MENENGAH ISLAM AL-IKRAM, SEK RENDAH ISLAM AL-IKRAM DAN TADIKA ISLAM AL-IKRAM</p> <p style="text-align: center;">PUSAT PENDIDIKAN AL-IKRAM</p> <p style="text-align: center;">TASEK GELUGOR , SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG</p>	No Dokumen	JPS /PY-001
	Tarikh Akhir Semakan	26 Februari 2024
	Tarikh Kkuatkuasa/ Sah	26 Feb 2024

POLISI YURAN SEKOLAH

Polisi ini menyatakan ketetapan-ketetapan berkaitan yuran yang perlu dipatuhi oleh pihak pengurusan sekolah dan waris-waris. Polisi ini dikemaskini dengan beberapa pindaan dari polisi yuran sekolah sebelum ini.

1	<p>Pembayaran yuran adalah melalui aplikasi ASIS secara atas talian sahaja kecuali untuk kes-kes tertentu yang tidak membolehkan waris menggunakan sistem ASIS.</p>
2	<p>Bayaran pendaftaran bagi murid lama untuk sesi baru adalah sebelum atau selewat-lewatnya 29 Februari , tahun semasa atau tarikh yang telah ditetapkan oleh pengurusan sekolah. Jika ibubapa/penjaga gagal berbuat demikian, nama murid tidak didaftarkan ke dalam senarai kelas sesi persekolahan baharu.</p> <p>Murid yang mempunyai tunggakan yuran tidak dibenarkan menyambung ke sesi berikutnya.</p>
3	<p>Bayaran pendaftaran bagi murid baharu, perlu dibayar sebelum hari pendaftaran pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Jika ibu bapa/penjaga gagal berbuat demikian, nama murid tidak didaftarkan ke dalam senarai kelas.</p>
4	<p>Resit rasmi boleh disemak dan dicetak melalui sistem ASIS.</p>
5	<p>Yuran Pengajian digalakkan dibayar setahun (satu sesi persekolahan) secara <i>lump sum</i> bagi membolehkan dia mendapat diskaun sebanyak RM200.00</p> <p>Yuran bulanan mesti dibayar sebelum 5hb bulan tersebut. Contoh untuk yuran bulan April, perlu dibayar sebelum 5 hb. April. Yuran adalah dianggap tertunggak sekiranya dibayar selepas tarikh yang ditetapkan.</p>
6	<p>Ibu bapa/penjaga yang memilih untuk membayar Yuran Pengajian secara bulanan, hendaklah</p>

	<p>membayar selewatnya pada 5hb bulan semasa. Kelewatan bayaran adalah dikira sebagai YURAN TERTUNGGAK. Tindakan terhadap mereka yang mempunyai tunggakan yuran adalah seperti berikut:</p> <p>6.1 Bagi sebarang tunggakan , peringatan melalui sms akan dimajukan kepada waris berkenaan.</p> <p>6.2 Sekiranya tunggakan melebihi 2 bulan, peringatan melalui surat akan dimajukan beserta dengan tindakan yang akan diambil oleh pihak sekolah.</p> <p>6.3 Sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam penyampaian PdPc termasuk cara pembelajaran atas talian , pembayaran yuran kekal seperti biasa melainkan satu surat edaran dikeluarkan bagi menyatakan perubahan yuran berkenaan.</p> <p>6.4 Jika ibu bapa/penjaga ingin memberhentikan pembelajaran anaknya ,dokumen yang berkaitan seperti Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen yang berkaitan tidak akan dikeluarkan sehingga pembayaran tunggakan yuran selesai.</p>
7.	<p>Notis peringatan status yuran tertunggak terakhir untuk tahun semasa akan dikeluarkan kepada ibu bapa/penjaga yang berkenaan pada bulan Disember. Murid yang tidak selesaikan bayaran yuran bagi tahun semasa dan baki tunggakan sebelum tahun semasa tidak dibenarkan meneruskan pengajiannya untuk sesi baharu.</p>
8	<p>Pembatalan kemasukan atau pendaftaran atau urusan keluar sekolah adalah seperti berikut :</p> <p>8.1 Sebelum sesi persekolahan bermula,</p> <p>8.1.1 Yuran Pendaftaran tidak akan dikembalikan.</p> <p>8.1.2 Yuran tahunan, yuran PIBG dan yuran fasiliti/senggaraan sahaja akan dikembalikan.</p> <p>Bagi murid yang meneruskan pengajian dari SRI Al-Ikram ke SMi Al-Ikram, potongan sebanyak RM100 dari yuran tahunan akan dikenakan untuk cas pemprosesan.</p> <p>8.2 Apabila sesi persekolahan telah bermula,</p> <p>8.2.1 Yuran Pendaftaran tidak akan dikembalikan. Yuran tahunan akan dikembalikan mengikut kiraan pro-rata.</p> <p>8.2.2 Yuran PIBG dan yuran fasiliti/senggaraan tidak akan dikembalikan.</p>
9	<p>Bagi murid yang sakit atau cuti berpanjangan, jika ibu bapa/penjaga masih berminat untuk meneruskan persekolahan samada ditahun semasa atau seterusnya, Yuran Pengajian perlu terus dibayar.</p>

	<p>Jika yuran tidak dibayar sepanjang tempoh tersebut, mereka perlu berhenti dan mendaftar baharu. Walaubagaimanapun penerimaan untuk mendaftar semula adalah bergantung kepada kekosongan tempat belajar.</p>
10	<p>Yuran asrama (SMI Al-Ikram)</p> <p>10.1 Murid yang ada tunggakan yuran (samada yuran asrama atau yuran pengajian), tidak layak mohon menduduki asrama.</p> <p>10.2 Yuran asrama hendaklah sentiasa dibayar sebelum 5 hb , bulan berkenaan .</p> <p>10.3 Yuran bulanan asrama adalah termasuk yuran makanan yang disediakan oleh pihak asrama. Semua pelajar wajib membayar yuran asrama secara penuh.</p> <p>10.4 Jika keluar asrama :</p> <p style="padding-left: 40px;">10.4.1 Sebelum sesi persekolahan bermula : Yuran Tahunan akan dikembalikan.</p> <p style="padding-left: 40px;">10.4.2 Setelah sesi persekolahan telah bermula : Yuran Tahunan akan dikembalikan secara pro-rata.</p> <p>10.5 Jika ada tunggakan yuran asrama, tindakan akan diambil dan murid tidak dibenarkan tinggal di asrama sehingga tunggakan selesai dibayar.</p> <p>10.6 Yuran asrama masih perlu dibayar dalam tempoh cuti semester pelajar atau cuti-cuti umum yang lain.</p>
11	<p>Yuran Kelas Fardhu Ain (KAFA)</p> <p>11.1 Kelas KAFA adalah satu pilihan kepada murid tahun 3, 4, 5 dan 6. Waris diberi pilihan samada ingin mendaftar ke kelas KAFA atau tidak.</p> <p>11.2 Yuran KAFA mesti dibayar sebelum 5hb bulan semasa. Kelewatan dalam menjelaskan pada tarikh ditentukan dianggap sebagai tunggakan yuran</p> <p>11.3 Murid yang mempunyai tunggakan yuran melebihi 2 bulan, tidak dibenarkan mengikuti kelas KAFA.</p> <p>11.4 Murid yang mempunyai tunggakan yuran bulanan pengajian di SRI/SMI perlu menjelaskan terlebih dahulu yuran tunggakan berkenaan sebelum meneruskan pengajian ke kelas KAFA.</p>
12.	<p>Polisi di atas adalah tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.</p>

